

13 DEC 1998
Umno-Tergempar
PEMUDA UMNO KUTUK CAMPUR TANGAN ASING

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini mengecam dan mengutuk sekeras-kerasnya campur tangan asing dalam urusan dalaman negara ini.

Pergerakan itu juga memberi sokongan tidak berbelah bagi terhadap kepimpinan parti dan negara dalam usaha-usaha pemulihan dan pengukuhan ekonomi, kata pemangku ketua pergerakan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Resolusi-resolusi itu dinyatakan dalam usul tergepar yang dibawa oleh Pemuda Umno di Perhimpunan Agung Khas Umno bagi meminda perlembagaan parti di sini hari ini.

Pemuda Umno juga berjanji akan terus mempertahankan kedaulatan negara daripada ancaman musuh sama ada dari dalam dan luar negeri, mempertahankan kesucian agama Islam daripada diperalatkan untuk kepentingan politik di samping mempertahankan kebebasan beragama di dalam masyarakat majmuk.

Pemuda Umno juga menentang sebarang bentuk usaha yang berunsur fitnah dan negatif yang boleh menjejaskan perpaduan parti dan kestabilan negara.

Hishammuddin membangkitkan kebiadapan Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore yang memperlekeh dan mempersenda Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu majlis makan sempena persidangan Forum Kerjasama Asia Pasifik (APEC) di sini baru-baru ini.

"Siapa yang tidak berang melihat gelagat watak-watak asing mencampuri urusan dalaman negara kita yang tercinta. Hati mana yang tidak terguris, melihat kebiadapan makhluk yang bernama Al Gore," katanya dengan nada terharu.

"Sanubari mana yang tidak pilu, melihat Perdana Menteri kita menahan perasaannya, walaupun kenyataan makhluk biadap Al Gore, terlalu menyinggung. Siapa yang tidak hiba melihat, pemimpin kita menangis di dalam hati, tetapi tetap tertib dan beradab melayani tetamu demi menjaga kesucian imej bangsa dan agamanya," katanya.

"Bahasa penindasan ke atas orang Islam di Palestin adalah benar, penindasan dan pembunuhan orang Islam di Bosnia itu benar, penindasan dan pembersihan etnik di Kosovo itu benar, pencerobohan dan pengeboman di Afghanistan dan Sudan juga benar dan cubaan untuk menindas dan menjajah rakyat negara ini juga benar.

"Terus terang saya nyatakan bahawa Pemuda bukannya mempertahankan Dr Mahathir Mohamad. Pemuda juga bukannya menyokong Dr Mahathir Mohamad. Tetapi, Pemuda sebagai benteng yang waja dan sayap yang menjunjung istituti kepimpinan Umno," katanya.

"Selaku Presiden Umno, tampuk institusi kepimpinan parti, lambang perjuangan bangsa Melayu, Dr Mahathir Mohamad akan kita pertahankan sehingga titisan darah terakhir," katanya.

Pemuda juga mengecam spekulator kewangan antarabangsa George Soros kerana tindak tanduknya menghancurkan kemakmuran ekonomi Malaysia melalui penjajahan ekonomi.

Katanya kalau tokoh-tokoh Umno terdahulu sanggup mempertahankan kedaulatan dan maruah negara, dengan keringat, darah dan air mata, Pemuda Umno juga sanggup berkorban apa sahaja demi agama, bangsa dan negara.

-- BERNAMA
SJA AKD